



JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BIL. 1 TAHUN 2016**

**PENETAPAN FI UNTUK *PRINT ON DEMAND (POD)*
BAGI PETA TOPOGRAFI SIRI MY701, MY711 DAN L808**

**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN
MALAYSIA**

Dikeliling Kepada:

Semua Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan
Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

Salinan Kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia I
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia II
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
Pengarah Ukur Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Perancangan dan Korporat
Pengarah Bahagian Geospatial Pertahanan
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

Edaran Luar:

Setiausaha,
Bahagian Tanah, Ukur dan Pemetaan
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Setiausaha,
Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung Malaysia

Rujukan Kami : JUPEM.BDPP.100-1/6/1 (16)

Tarikh : 10 June 2016

Semua Pengarah Ukur Bahagian

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

**SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2016**

**PENETAPAN FI UNTUK *PRINT ON DEMAND (POD)*
BAGI PETA TOPOGRAFI SIRI MY701, MY711 DAN L808**

1. Akta Fi 1951, Pindaan 2010, **Perintah Fi dan Bayaran (Perkhidmatan, Data Ukur dan Pemetaan serta Reproduksi) 2010 [P.U.(A)410]** telah menetapkan bahawa fi bagi perkhidmatan dan penggunaan data ukur dan pemetaan adalah mengikut ketetapan di bawah Jadual Kedua (perenggan 7) seperti berikut:

Fi bagi Perkhidmatan Serta Data Ukur dan Pemetaan yang Lain.

(1)	(2)
<i>Butiran</i>	<i>Fi</i>
	<i>(RM)</i>
<i>Produk dan perkhidmatan pemetaan, ukur, percetakan pembesaran foto, mozek dan reproduksi selain yang dinyatakan dalam Jadual Pertama</i>	<i>Dikira mengikut kos sebenar pekerjaan dan bahan</i>

2. Pada masa kini, terdapat keperluan dan permintaan daripada pelanggan untuk mendapatkan peta cetakan berwarna bagi siri MY701, MY711 dan L808 yang terkini mengikut kaedah *POD*. *POD* adalah merupakan kaedah cetakan ataupun pelotan yang dilakukan mengikut permintaan pelanggan. Pelaksanaan cetakan peta *POD* ini merupakan satu perkhidmatan yang boleh membantu mempercepatkan perolehan maklumat *geospatial* dengan harga berpatutan dan menjimatkan kos operasi serta meningkatkan sistem penyampaian awam.

3. Cetakan peta topografi pada siri tersebut mengikut kaedah *POD* adalah merupakan perkhidmatan ke atas data ukur dan pemetaan yang terkandung di dalam Jadual Kedua (perenggan 7) seperti di para 1.

4. Justeru itu, penentuan fi bagi mencetak peta topografi mengikut kaedah *POD* adalah dengan mengambil kira kos sebenar penyediaan data, harga *toner* semasa plotan dan mesin pencetak yang digunakan.

5. Fi cetakan *POD* bagi peta siri MY701, MY711 dan L808 telah ditetapkan seperti berikut:-


Bil	Saiz kertas	Harga (RM)
1.	Saiz AO (841mm x 1189mm) bagi satu salinan	RM 50.00
2.	Saiz A1 (594mm x 841mm) bagi satu salinan	RM 40.00
3.	Saiz A2 (420mm x 594mm) bagi satu salinan	RM 30.00

Walau bagaimanapun, cetakan Peta *POD* yang bersaiz kertas A1 dan A2 akan dicetak mengikut keperluan pelanggan tanpa mengikut prosedur cetakan peta yang sebenar.

6. Penetapan fi ini hendaklah dikuatkuasakan bermula pada tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK SR AHMAD FAUZI BIN NORDIN, PMW, JSM, SMZ, KMN)
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia